



## Kerajaan pertimbang cadangan tanam padi 5 musim dalam dua tahun - PM

Farah Marshita Abdul Patah - Jun 10, 2023 @ 11:50am  
farahmarshita@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan meningkatkan pengeluaran padi melalui kaedah penanaman lima musim dalam tempoh dua tahun, selain bersetuju dengan pelaksanaan sistem ternakan tertutup bagi pengurusan ladang produktif dan selamat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, memaklumkan dua perkara itu antara yang dibincangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKSMN), semalam.

"Antara perkara dibincangkan adalah berkenaan cadangan untuk meningkatkan produktiviti penanaman padi melalui kaedah penanaman lima musim dalam tempoh dua tahun. Kerajaan akan menilai kaedah pelaksanaan bagi memastikan cadangan dapat direalisasikan dengan segera.

"Mesyuarat turut bersetuju dengan cadangan untuk memodenkan aktiviti penternakan melalui kaedah sistem penternakan secara tertutup bagi menggalakkan pengurusan ladang yang produktif dan selamat," katanya dalam hantaran di Facebook, hari ini.

JKSMN berperanan merangka dasar dan strategi sekuriti makanan yang lebih holistik dan mampan untuk negara.

Menurut Perdana Menteri, mesyuarat jawatankuasa berkenaan semalam mengetengahkan hasrat kerajaan untuk mengambil pendekatan berpaksikan kesinambungan bekalan makanan agar kekal terjamin.

"Mesyuarat JKSMN kali ini turut memberi tumpuan memperkuuhkan sekuriti makanan negara, mengambil kira faktor-faktor yang memberi kesan kepada pertanian negara.

"Ia seperti perubahan iklim, kekangan sumber, konflik geopolitik, kemudahsampaian makanan, jurang pendapatan dan amalan pemakanan," katanya.

Anwar berkata, mesyuarat juga membincangkan usaha mempertingkatkan peranan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam menjadi agensi utama menjamin ketersediaan bekalan makanan negara.